


RINGKASAN EKSEKUTIF PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN SEKTOR AWAM 2021-2025 (VERSI BETA 2.0)



YBhg. Dato' Dr./YBhg Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan,

Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025 versi beta 2.0 yang telah dibangunkan oleh MAMPU menggariskan hala tuju strategik pelaksanaan pendigitalan sektor awam untuk tempoh lima tahun yang akan menjadi panduan kepada agensi sektor awam. Pelan strategik ini merupakan pemangkin kepada kesinambungan Kerajaan Digital Mampan ke arah membentuk masyarakat digital. Ia merangkumi perkhidmatan berteraskan *Government to Government (G2G)*, *Government to Citizen (G2C)*, *Government to Business (G2B)* dan *Government to Employee (G2E)* yang melibatkan semua kementerian dan agensi sektor awam.

Untuk makluman YBhg. Dato' Dr./YBhg Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, PSPSA 2021-2025 versi beta 2.0 merupakan pelan yang telah ditambah baik berdasarkan maklum balas PSPSA 2021-2025 versi 1.0. PSPSA 2021-2025 versi beta 2.0 dengan matlamat Kerajaan Digital Mampan Pemangkin Masyarakat Digital meliputi 7 teras strategik, 10 prinsip panduan serta 9 ekosistem pemboleh daya. Hala tuju strategik yang digariskan dalam PSPSA adalah sejajar dengan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 dan berdasarkan konsep tiada yang terpinggir (*leaving no one behind*) selari dengan *Sustainable Development Goals (SDG)* 2030.

>> [Ringkasan Eksekutif Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam \(PSPSA\) 2021-2025 versi beta 2.0](#)

Kerjasama dan perhatian YBhg. Dato' Dr./YBhg Dato'/YBrs. Dr./tuan/puan dalam perkara ini sangat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

**PASUKAN PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN SEKTOR AWAM
2021-2025
MAMPU**